

12 MAY 2000

Sukan-Triathlon

PERDANA MENTERI AKAN LEPASKAN PESERTA IRONMAN MALAYSIA

ALOR SETAR, 12 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan dan melepaskan peserta pertandingan Ironman Malaysia Triathlon di Langkawi pada 28 Mei ini.

Perdana Menteri juga akan turut menghadiri majlis pembukaan kejohanan bertaraf antarabangsa itu di Hotel Sheraton Perdana, Langkawi pada 26 Mei.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan LIEM Sdn Bhd, penganjur kejohanan itu hari ini, seramai 130 peserta negara dan luar negara telah mengesahkan akan mengambil bahagian pada kejohanan yang julung kali diadakan di negara ini.

Peserta luar negara yang mengambil bahagian ialah dari Jepun, Australia, Hong Kong, Indonesia, Itali, Korea, New Zealand, Singapura, Afrika Selatan, Taiwan dan Amerika Syarikat.

"Malaysia dan Jepun menghantar peserta paling ramai, masing-masing 34 dan 19 orang peserta," kata Pengarah Urusan LIEM, Datuk Sri Ram Sarma, dalam kenyataan itu.

Kejohanan Ironman bermula sejak 22 tahun yang lalu di Hawaii dan hanya disertai 15 peserta lelaki. Kejohanan di sini merupakan pusingan kelayakan untuk memilih 15 peserta ke Kejohanan Ironman Triathlon Dunia di Kona, Hawaii pada 22 Oktober 2000.

Para peserta perlu menamatkan perlumbaan dalam masa 17 jam, merangkumi acara renang sejauh 3.8 kilometer, berbasikal 180.2 kilometer dan larian sejauh 42.2 kilometer sekitar Pulau Langkawi yang akan bermula di Jeti Kuah.

Kata Sri Ram, atlet triathlon Malaysia seperti Sofian Ismail, Yee Sze Man, Fiona Lim dan Elizabeth Yeo turut menyertai kejohanan yang menawarkan hadiah berjumlah AS\$25,000 (RM95,000).

Beliau berkata, Ekspo Ironman Triathlon Malaysia ini akan diadakan di lobi Kompleks LADA mulai 23 Mei hingga 29 Mei ini.

Hadiah dan anugerah Ironman Malaysia akan disampaikan oleh Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain pada 29 Mei, di Auditorium LADA.

-- BERNAMA

MN zb